



Ahli jawatankuasa yang menjayakan Program Santapan Rohani dan Jasmani Surau At Taqwa.

NGO imarah Surau At Taqwa

TELOK PANGLIMA GARANG – Seramai 150 peserta menyertai program Santapan Rohani dan Jasmani Surau At Taqwa di Taman Jaya Utama, di sini, baru-baru ini.

Pengerusi Surau At Taqwa, Kawangit Taufik berkata, program anjuran bersama Jawatankuasa Khidmat Komuniti Telok Panglima Garang dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) melalui Bahagian Khidmat Komuniti dan Masyarakat Yadim (BKKM) beberapa NGO dan (Skuad Denggi Kuala Langat), Pusat Kesihatan Daerah Kuala Langat dan Jawatankuasa Surau dan Komuniti.

“Ia bertujuan mempromosi aktiviti masyarakat Islam kepada individu bukan

Islam kerana hanya 30 peratus sahaja penghuni di taman ini beragama Islam.

“Bagaimanapun, kami tiada masalah menjalankan aktiviti ini,” katanya.

Menurutnya, seramai 150 peserta terlibat membabitkan pelajar tahfiz dan warga asing yang menjadikan surau sebagai tempat ibadah mereka selain jemaah tabligh.

“BBKM juga bergotong-royong mengecat pagar surau selain aktiviti pemeriksaan kesihatan serta pendaftaran ahli khairat Masjid Al-Hidayah,” katanya.

Turut hadir, Pengarah BBKM Yadim, Shahrizal Mat, Pengerusi Unit Sukarelawan Al-Falah (Saf), Hasmawi Mahidoin dan ketua kampung, Meor Haris.